

MOTIVASI SEBAGAI MEDIATOR DALAM PEMBELAJARAN FALSAFAH DAN ISU SEMASA (FIS) DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ UNIVERSITI *i*-CATS

Noorul 'Aini Hanifa Su'aidi

Fakulti Pengajian Multidisiplin dan Kelestarian, Kolej Universiti *i*-CATS

E-mail: ainihanifa@icats.edu.my

Prof. Dr. Hasbee Hj. Usop

Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti *i*-CATS

E-mail: hasbee@icats.edu.my

Siti Nur-Syafiza Ahamd Saifi

Fakulti Pengajian Multidisiplin dan Kelestarian, Kolej Universiti *i*-CATS

E-mail: nursyafiza@icats.edu.my

ABSTRAK

Motivasi pembelajaran pelajar dapat dizahirkan dari pencapaian keputusan pelajar yang baik. Namun, motivasi boleh hadir dalam bentuk berbeza dari segi intrinsik malah ekstrinsik. Kajian ini meneliti peranan motivasi sebagai mediator dalam hubungan antara kandungan kursus, penyampaian pensyarah dan penilaian kursus terhadap pembelajaran pelajar dalam kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) di Kolej Universiti *i*-CATS. Kerangka teori yang digunakan merangkumi *Self-Determination Theory* Deci and Ryan (1985) dan *Socio-Education Model* Gardner (1985). Kajian ini bertujuan meneliti peranan motivasi sebagai mediator terhadap pembelajaran pelajar Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) di Kolej Universiti *i*-CATS. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) untuk memilih responden yang memenuhi kriteria tertentu dan data dikumpulkan melalui penyertaan secara sukarela (*voluntary response sampling*). Dapatan kajian menunjukkan bahawa motivasi pelajar dipengaruhi secara positif oleh kandungan kursus FIS yang kontekstual dan kritikal, penyampaian pensyarah yang interaktif serta amalan penilaian yang adil dan membina. Kajian ini mendapati bahawa motivasi memainkan peranan mediator yang signifikan, menunjukkan strategi pedagogi yang selari dengan minat dan autonomi belajar yang menyumbang kepada pembelajaran yang berkesan. Kajian ini diharap agar dapat menyumbang kepada pemantapan pengajaran falsafah dengan memberi pemahaman tentang faktor-faktor motivasi dan hubungannya dengan reka bentuk serta pelaksanaan kursus FIS.

Keywords: Mata Pelajaran Umum; Falsafah dan Isu Semasa; Kandungan Kursus; Penilaian Kursus; Motivasi; Penyampaian Pensyarah; Pembelajaran Pelajar

1. PENDAHULUAN

Dalam konteks pendidikan di peringkat pengajian tinggi, motivasi memainkan peranan penting dalam mencorak keberkesanan pembelajaran termasuklah pencapaian akademik di kalangan pelajar. Pelajar yang bermotivasi lebih cenderung untuk menunjukkan penglibatan aktif semasa di dalam kelas mahupun ketika sedang menyelesaikan tugas. Menurut *Self-determination Theory* (Deci and Ryan, 1985) komponen motivasi terbahagi kepada TIGA (3) iaitu motivasi intrinsik, ekstrinsik dan amotivasi. Tuntasnya, kajian ini memfokuskan kepada dua jenis motivasi iaitu motivasi intrinsik dan ekstrinsik dalam mempengaruhi proses pembelajaran FIS di Kolej Universiti *i*-CATS. Brown (2007) mendefinisikan motivasi intrinsik dapat dilihat apabila seseorang individu melakukan aktiviti untuk kepuasan diri sendiri. Ciri-ciri pelajar yang mempunyai motivasi intrinsik menitikberatkan kualiti tugas penilaian kursus. Manakala, motivasi ekstrinsik, ditakrifkan sebagai kecenderungan untuk melakukan aktiviti atau tugas untuk mendapatkan ganjaran sama ada dalam bentuk fizikal atau psikologi dalam persekitaran semula jadi (Brown, 2007).

Pelajar yang mempunyai motivasi ekstrinsik dipengaruhi oleh faktor luaran seperti pencapaian keputusan yang baik. Kajian ini diperkukuhkan dengan merujuk kepada *Socio-Educational Model* (Gardner, 1985) yang menjelaskan motivasi pelajar dalam konteks pembelajaran adalah dipengaruhi oleh TIGA (3) komponen utama: *Attitudes towards the Learning Situation*, *Integrative dan*

Motivational Intensity. Dalam konteks kursus Falsafah dan Isu Semasa, ketiga – tiga komponen ini dapat disesuaikan dengan sikap pelajar terhadap kandungan kursus, pendekatan pensyarah dan bentuk penilaian yang digunakan. Teori ini menyatakan bahawa motivasi bukan sahaja mendorong pelajar untuk berusaha, malah menjadi pengantara antara faktor luaran seperti pengajaran dan hasil pembelajaran.

Dalam kajian ini, ketiga-tiga pembolehubah bebas seperti kandungan kursus, pengajaran pensyarah dan penilaian kursus ditafsir dalam bentuk situasi pembelajaran (*learning situation*) dengan memungkinkan motivasi sebagai pengantara yang menterjemahkan impak pembelajaran kepada pembelajaran pelajar. Pembelajaran pelajar seperti pemikiran kritis, penaakulan logik dan kemahiran reflektif bukan sahaja bergantung kepada strategi pengajaran, malah tahap motivasi pelajar mampu bertindak sebagai mediator. Justeru, hubungan antara pembelajaran pelajar dan motivasi berkait rapat dengan kedua – dua teori ini. Pengalaman pelajar ketika menyempurnakan tugas memberi ruang autonomi dan mengukuhkan inspirasi motivasi dalam diri pelajar.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka hubungan motivasi sebagai mediator dengan TIGA (3) tumpuan kajian seperti berikut:

1. Mengkaji kesan motivasi dan kandungan kursus FIS ke atas pembelajaran pelajar
2. Menilai peranan motivasi dalam hubungan antara pengajaran pensyarah dengan pembelajaran pelajar
3. Mengenalpasti peranan motivasi dalam hubungan antara penilaian kursus FIS dengan pembelajaran pelajar

Kandungan kursus FIS amat menarik jika dilihat dari SEMBILAN (9) topik utama seperti (a) Pengenalan Falsafah dan Falsafah dalam Kehidupan (b) Peranan Logik dan pencegahan falasi dalam berfikir, (c) Metodologi berfikir secara induksi dan deduksi, (d) Psikologi dan Sosiologi (e) Metafizik and Epistemologi dan (f) Isu Semasa mengenai Ideologi dan Dekolonisasi. Keunikan kandungan kursus membuka ruang dan merangsang minat pelajar (motivasi intrinsik) untuk selesa berdialog mengenai isu semasa serta memberi rangsangan pencapaian akademik (motivasi ekstrinsik) melalui penilaian kursus yang mencabar dan berasaskan aplikasi dunia sebenar. Kandungan kursus FIS yang jelas membentuk keupayaan pelajar berfikir secara logik, kritikal dan analitikal mampu menarik minat dan memotivasikan keinginan pelajar untuk lebih bersikap ingin tahu.

Selain daripada mengkaji kandungan dan penilaian kursus, gaya penyampaian pensyarah turut memainkan peranan penting dalam merangsang motivasi pelajar. Kajian lepas mengenai persepsi pelajar terhadap pensyarah yang telah dijalankan di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menunjukkan persepsi pelajar terhadap pensyarah FIS adalah pada tahap tinggi dan positif dengan skor min yang tinggi pada dua pembolehubah tersebut (Latiff, 2020). Pensyarah yang berupaya mengaitkan topik falsafah dengan isu semasa, menggunakan pendekatan pengajaran yang interaktif dengan menyokong pembelajaran pelajar secara aktif berpotensi meningkat motivasi intrinsik pelajar. Keberkesanan penyampaian pengajaran pensyarah diambilkira sebagai faktor utama memahami dinamika motivasi pembelajaran pelajar kursus FIS di Kolej Universiti *i*-CATS.

Kajian ini juga diselaraskan dengan pecahan pemetaan hasil pembelajaran kursus FIS. Melalui pecahan pemetaan ini, kajian ini dapat menilai amalan baik penilaian kursus sejajar dengan hasil pembelajaran yang disasarkan. Menariknya, setiap cakupan domain pembelajaran digunakan untuk menzahirkan panduan penilaian kursus dan diterapkan secara langsung memberi potensi dalam merangsang motivasi pelajar.

Berikut adalah pemetaan hasil pembelajaran, bentuk penilaian kursus dan domain yang dinilai:

Jadual 1: Pecahan Pemetaan Hasil Pembelajaran Kursus dan Penilaian Kursus

Pernyataan Hasil Pembelajaran Kursus	Pemetaan Hasil Pembelajaran Program	Penilaian Kursus	Kaedah Pentaksiran	Domain
1. Membeza dan mencerakin sifat manusia yang berkaitan dengan cabang falsafah untuk pembangunan peribadi	C4, PLO9	a. Tugas – Dialog Audio siar (20%) b. Penilaian Akhir (Bertulis) (30%)	Sumatif Formatif	Kognitif
2. Menggunakan alat teknologi semasa untuk mempamerkan ideologi falsafah moden	P4, PLO6	c. Projek (30%)	Sumatif	Psikomotor
3. Menjelaskan penaakulan logik mengenai isu kontemporari	A3, PLO4	d. Pembentangan (20%)	Sumatif	Afektif

Sumber: Table 4, MPU3193 Falsafah dan Isu Semasa

2. METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang mengadaptasi soal selidik instrument yang dibina berpanduan kepada Attitude/Motivation Test Battery (AMTB) yang dikelola oleh Gardner (2004). Tahap kebolehppercayaan kajian ini menunjukkan nilai Cronbach's Alpha= 0.929 dan nilai ini memberi indikasi bahawa instrumen berada dalam keadaan sangat baik dan efektif untuk tujuan kegunaan kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) untuk memilih responden yang memenuhi kriteria tertentu dan data dikumpulkan melalui penyertaan secara sukarela (*voluntary response sampling*). Data yang diperolehi dianalisa dengan menggunakan perisian JAMOVİ dengan melakukan ujian normaliti, ujian regresi berganda dan ujian mediasi. Soal selidik ini terdiri daripada enam (6) bahagian iaitu; Bahagian A: Motivasi, Bahagian B: Kandungan Kursus FIS, Bahagian C: Pengajaran Pensyarah, Bahagian D: Penilaian Kursus, Bahagian E: Pembelajaran Pelajar dan Bahagian F: Demografi Responden. Kajian ini melibatkan seramai 108 orang pelajar tahun pertama yang mengikuti kursus FIS. Seramai 61 orang (56.5%) terdiri daripada pelajar lelaki, manakala 47 orang (43.5%) ialah pelajar perempuan. Walaubagaimanapun, kajian ini memfokuskan perbincangan terhadap hubungan motivasi sebagai mediator dalam kalangan pelajar Kolej Universiti i-CATS dengan kandungan kursus, penyampaian pengajaran pensyarah dan penilaian kerja kursus terhadap pembelajaran pelajar.

3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Satu ujian normaliti telah telah dijalankan terhadap pembolehubah bersandar iaitu pembelajaran pelajar. Jadual 2 membuktikan taburan data dengan hasil analisis mendapati nilai $p = <0.001$ menunjukkan data adalah tidak normal.

Jadual 2: Ujian Normaliti terhadap Pembolehubah Bersandar Pembelajaran Pelajar

Descriptive	
Pembelajaran Pelajar	
N	108
Shapiro-Wilk p	<.001

Manakala, merujuk Jadual 3, satu ujian analisis regresi berganda telah dijalankan untuk meramalkan pembelajaran pelajar berdasarkan motivasi dan kandungan kursus FIS. Model tersebut adalah signifikan secara statistik, $F(2, 105) = 99.8, p < .001, R^2 = .655$. Motivasi ($t = 5.368, p < .001$) dan Kandungan Kursus FIS ($t = 5.041, p < .001$) merupakan peramal yang signifikan kuat $R=0.810, p<.001$. Nilai $R^2=0.655$ bererti bahawa pembolehubah motivasi dan kandungan kursus FIS mempengaruhi variasi dalam pembelajaran pelajar sebanyak 65.5%. Manakala selebihnya 34.5% merupakan variasi daripada faktor lain yang tidak diuji dalam kajian ini. Dapatan ini membuktikan bahawa pelajar yang mempunyai tahap motivasi yang tinggi dan persepsi positif terhadap kandungan kursus lebih cenderung menunjukkan tahap pembelajaran yang aktif. Hal ini membuktikan bahawa motivasi pelajar dan kualiti kandungan kursus FIS saling melengkapi untuk mempengaruhi kejayaan pembelajaran. Kepentingan untuk merekabentuk kurikulum yang bukan sahaja padat dari segi kandungan, malah ianya juga mampu membangkitkan minat dan memupuk pemikiran kritis pelajar. Untuk itu, persamaan regresi yang terhasil dari kajian ini adalah:

$$\text{Pembelajaran pelajar} = 0.0587 + 0.5221\text{Motivasi} + 0.4708\text{Kandungan Kursus FIS}$$

Jadual 3: Keputusan Rumusan Analisis Regresi Berganda

Model Fit Measures						
Overall Model Test						
Model	R	R ²	F	df1	df2	p
1	0.810	0.655	99.8	2	105	<.001
Predictor	Estimate		SE	T		p
Intercept	0.0587		0.2711	0.217		0.829
Motivasi	0.5221		0.0973	5.368		<.001
Kandungan kursus FIS	0.4708		0.0934	5.041		<.001

Seterusnya, analisis mediasi telah dijalankan untuk menilai peranan mediasi motivasi dalam hubungan antara pengajaran pensyarah dan pembelajaran pelajar. Dapatan di Jadual 4 menunjukkan bahawa kesan keseluruhan pengajaran pensyarah terhadap pembelajaran pelajar adalah signifikan ($H1: \beta = 0.764, t = 12.05, p < .001$). Apabila pemboleh ubah mediasi (motivasi), kesan pengajaran pensyarah terhadap motivasi kekal signifikan ($\beta = 0.403, t = 4.09, p < .001$). Selain itu, kesan tidak langsung pengajaran pensyarah terhadap pembelajaran pelajar melalui motivasi juga didapati signifikan ($\beta = 0.360, t = 5.21, p < .001$). Dapatan ini menunjukkan bahawa motivasi berperanan sebagai mediator separa dalam hubungan tersebut. Justifikasinya, sebahagian daripada kesan pengajaran pensyarah terhadap pembelajaran pelajar berlaku melalui peningkatan motivasi pelajar. Dapatan ini turut di sokong oleh Normala & Mohamad Kamil Ariff (2012) yang menunjukkan keyakinan tinggi serta membina hubungan yang baik mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang positif dan menyeronokkan.

Jadual 4: Analisa Mediasi Motivasi dalam Pengajaran Pensyarah dan Pembelajaran Pelajar

Mediation Estimates							
95% Confidence Interval							
Effect	Estimate	SE	Lower	Upper	Z	P	% Mediation
Indirect	0.360	0.0692	0.220	0.487	5.21	<0.001	47.2
Direct	0.403	0.0987	0.232	0.607	4.09	<0.001	52.8
Total	0.764	0.0634	0.623	0.881	12.05	<0.001	100.0

Dalam pada itu, analisis mediasi telah dijalankan untuk menilai peranan mediasi motivasi dalam hubungan antara penilaian kursus FIS dan pembelajaran pelajar. Hasil analisis seperti dalam Jadual 5, menunjukkan bahawa kesan keseluruhan penilaian kursus FIS terhadap pembelajaran pelajar adalah signifikan ($H1: \beta = 0.858, t = 13.53, p < .001$). Dengan memasukkan pemboleh ubah mediasi (motivasi), kesan penilaian kursus FIS terhadap motivasi masih didapati signifikan ($\beta = 0.539, t = 5.36, p < .001$). Kesan tidak langsung penilaian kursus FIS terhadap pembelajaran pelajar melalui motivasi juga didapati signifikan ($\beta = 0.319, t = 4.47, p < .001$). Ini menunjukkan bahawa hubungan antara pengajaran pensyarah dan pembelajaran pelajar dimediasi secara separa oleh motivasi. Hasil analisa mediasi motivasi disokong dalam beberapa kajian terdahulu yang turut mengenalpasti motivasi sebagai pemboleh ubah perantara yang penting dalam konteks pembelajaran. Kajian Alamer dan Lee (2019) misalnya, menunjukkan bahawa motivasi bertindak sebagai perantara antara strategi pengajaran dan pencapaian akademik pelajar. Dapatan dari kajian ini membuktikan bahawa keberkesanan pengajaran banyak bergantung kepada sejauh mana ia dapat meningkatkan motivasi dalam pelajar.

Jadual 5: Analisa Mediasi Motivasi, Penilaian Kursus dan Pembelajaran Pelajar

Mediation Estimates							
Effect	Estimate	SE	95% Confidence Interval		Z	P	% Mediation
			Lower	Upper			
Indirect	0.319	0.0713	0.178	0.468	4.47	<.001	37.2
Direct	0.539	0.1005	0.347	0.748	5.36	<.001	62.8
Total	0.858	0.0634	0.732	0.983	13.53	<.001	100.0

4. KESIMPULAN

Dapatan kajian ini menyatakan motivasi pelajar memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran pelajar. Kandungan kursus yang kontekstual, serta pengajaran pensyarah yang bersemangat didapati dapat meningkatkan tahap motivasi pelajar secara signifikan. Manakala bentuk penilaian yang berbentuk formatif turut meningkatkan motivasi pelajar. Cadangan untuk membuat kajian longitudinal juga boleh memberi gambaran lebih menyeluruh terhadap perubahan motivasi, khususnya selepas pelajar menyempurnakan penilaian berasaskan projek. Secara keseluruhannya, aspek motivasi sebagai mediator ekstrinsik masih belum diteroka secara mendalam. Cadangan untuk mengambilkira aspek kualitatif seperti temu bual, *focus group discussion* dan perbandingan antara institusi boleh memberi sumbangan strategi pengajaran kursus Falsafah di masa akan datang.

5. PENGHARGAAN

Penyelidikan ini disokong oleh geran daripada *i-CATS Research and Innovation Grant Scheme (iRIGS) 2024 (IRMC/IRIGS24/NST/08)*.

6. RUJUKAN

- Alamer, A., & Lee, J. (2019). A motivational model of English language learning among Saudi students. *System*, 87, 102120. <https://doi.org/10.1016/j.system.2019.102120>
- Brown, H. D. (2007). *Principles of language learning and teaching* (5th ed.) Pearson Education.
- Deci, E. L., & Ryan, R.M. (1985). *Intrinsic motivation and self-determination in human behaviour*. Springer
- Gardner, R. C. (1985). *Social psychology and second language learning: The role of attitudes and motivation*.
- Ismail, N., & Khalid, M. K. A. (2012). Pengajaran pensyarah yang berkesan. *E-Academia Journal*,

I(2), 40-48.

Latiff, M.A.A (2020). Persepsi pelajar terhadap pensyarah dalam kursus Falsafah dan Isu Semasa.

Jurnal Kepimpinan dan Pengurusan, 8(2), 45 – 55.

Schunk, D. H., Pintrich, P. R., & Meece, J. L. (2014). Motivation in education: Theory, research and applications (4th ed.) Pearson Higher Ed.